

KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : 14 SEPTEMBER 2017

40

KUALA LANGAT . SEPANG

KHAMIS 14 SEPTEMBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

Jakoa mahu Pantai Cunang, Tanjung Sepat jadi pantai santai tradisi

SEPANG - Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengharapkan Pantai Cunang, Tanjung Sepat menjadi pantai santai tradisi dan pantai proses pembelajaran dan penghijauan hutan paya bakau di samping meningkatkan ekonomi penduduk setempat dan dana jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA).

Pegawai Jakoa Kuala Langat, Jantian Awang berkata, Pantai Cunang Kampung Tanjung Sepat mempunyai sebuah pantai yang cantik dan berkonsepkan hutan paya bakau.

Menurutnya, Pantai Cunang dikendalikan JKKKOA Tanjung Sepat dengan kebenaran dan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Lembaga Urus

Air Selangor (Luas) selain menjadi pantai angkatan MDKL dan Luas apabila menjadi Johan Pertandingan Pantai Negeri Selangor 2015.

"Dengan kemudahan yang dirancang oleh JKKKOA dengan kerjasama Jakoa dan MDKL akan menjadikan Pantai Cunang sebuah pantai yang menarik untuk dikunjungi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jakoa Malaysia, Jamalludin Kasbi yang turut hadir pada Program Jom Ngeteh di Pantai Cunang berpuas hati dengan sokongan masyarakat setempat.

Menurutnya, beliau turut menyokong usaha mencerikkan pantai di samping peluang jana ekonomi penduduk setempat terutama komuniti Orang Asli di sini.



Jamalludin (kanan) turut hadir dalam Program Ngeteh yang diadakan di Pantai Cunang.

Ibu bapa yakin usaha pihak sekolah



Calon UPSR sedang mendengar taklimat sebelum mendudu peperiksaan tersebut, semalam.

BUKIT KEMANDOL - Murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Asli Bukit Kemandol (K9) yang mendudu Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) kelihatan tenang sebelum memasuki dewan peperiksaan.

Guru Besarnya, Mohd Ali Alimin berkata, ada ibu bapa turut hadir untuk berikan kata-kata semangat kepada anak-anak mereka sebelum masuk dewan peperiksaan.

Menurutnya, ibu bapa mereka sudah memberi sepuh kepercayaan kepada pihak sekolah dalam memberi semangat kepada anak-anak mereka.

"Melihat kepada kesungguhan murid untuk datang bagi mendudu UPSR pun sudah menggambarkan murid-murid Orang Asli juga ingin berjaya seperti murid di sekolah lain."

"Cumananya pendedahan mereka berbeza. Tapi saya yakin mereka sebenarnya boleh berjaya apabila guru-guru sentiasa berusaha

memberi yang terbaik kepada murid-murid. Selebihnya kita berserah kepada ALLAH," katanya.

Mohd Ali berkata, pada tahun ini terdapat pertambahan calon yang mendudu UPSR seramai 32 orang berbanding 21 orang tahun lalu.

Katanya, jumlah calon memang nampak sedikit tetapi pihak sekolah berharap sangat peningkatan peratusan cemerlang tahun ini meningkat.

"Pada tahun ini semua murid dibekalkan dengan peralatan tulis yang secukupnya di samping sarapan pagi dan makan waktu rehat juga disediakan oleh pihak sekolah."

"Kami guru-guru mahukan anak-anak ini cergas dan semangat sepanjang menjawab kertas soalan yang disediakan," katanya yang mengharapkan ada pelajarnya mendapat keputusan 6A pada UPSR kali ini.

Taska masih dalam pertimbangan

Permohonan bina dua Taska Permata Kemas baru di Daerah Kuala Langat



Suasana ceria sepanjang program sempena Sukaneka 2017 di Padang Awam Kelanang.

KELANGAN - Permohonan untuk membina dua Taska Permata Kemas baru di Daerah Kuala Langat, Hisham Abd' Talib berkata, dua taska baharu yang dicadangkan adalah di kawasan Jenjarum dan Kampung Sawah di mana mendapat permintaan tinggi.

Perangku Penyelia Kanan Kemas Daerah Kuala Langat, Hisham Abd' Talib berkata, dua taska baharu yang dicadangkan adalah di kawasan Jenjarum dan Kampung Sawah di mana mendapat permintaan tinggi.

Menurutnya, beliau sedia maklum kewujudan Taska Permata menjadi tumpuan ibu bapa menghantar anak-anak mereka apabila melihat perkembangan anak-anak yang luar biasa di samping mendapat didikan guru-guru yang terlatih.

"Buat masa ini, kita mempunyai empat Taska Permata iaitu di Kanchong Darat, Telok Datok, Kebun Baharu dan Kelanang.

dan Kelanang. Keempat-empat taska ini menjadi pilihan ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur dua hingga empat tahun untuk mendapat asuhan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* selepas Sukaneka Taska

Permata Kemas Kuala Langat di Padang Awam Kelanang.

Hisham berkata, dengan pelbagai kewujudan pusat asuhan kanak-kanak yang ada ibu bapa kini bijak memilih keperluan yang ada namun mengharapkan ker-

jasama ibu bapa supaya tidak hanya melepaskan tanggungjawab kepada guru-guru taska semata-mata.

Katanya, hubungan dua hala dan kerjasama antara ibu bapa dengan guru-guru seharusnya perlu

ditingkatkan.

"Usaha itu penting bagi menjadikan persekitaran pusat asuhan anak-anak mereka ceria dan aktif. Saya yakin dengan pelbagai aktiviti termasuk sukaneka yang dijalankan baru-baru

ini membuktikan kerjasama ibu bapa dalam beri sokongan kepada anak-anak mereka amat tinggi. Ini perlu diteruskan bagi melahirkan generasi kanak-kanak cemerlang," katanya.

Hadir sama merasmikan program sukaneka tersebut, Pemnyelaras Pembangunan Luar Bandar Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli.

• Dua taska baharu yang dicadangkan adalah di kawasan Jenjarum dan Kampung Sawah

• Setakat ini ada empat Taska Permata iaitu di Kanchong Darat, Telok Datok, Kebun Baharu dan Kelanang